



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro @doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

SETEM CENDAWAN PERUBATAN ANGKAT POTENSI INDUSTRI CENDAWAN TEMPATAN

SERDANG, 4 September 2026 – Jabatan Pertanian (DOA) dan Pos Malaysia Berhad (POS) memperkukuh kerjasama strategik melalui penerbitan Setem Cendawan Perubatan (Medicinal Mushrooms) yang dilancarkan bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026.

Majlis penyerahan setem antara DOA yang diwakili Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi dan POS yang diwakili, Ketua Setem dan Filateli, Haidan Abdul Rahman, berlangsung di Laman Florikultur, Magica Garden. Majlis disaksikan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Datuk Chan Foong Hin berkata, penerbitan setem khas tersebut merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap kepelbagaian dan potensi cendawan sebagai salah satu komoditi pertanian bernilai tinggi. Penerbitan setem ini turut menjadi medium untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian spesies cendawan serta potensi industri cendawan tempatan.

Menurut Dato' Nor Sam Alwi, industri cendawan mempunyai prospek yang baik untuk terus dikembangkan sebagai salah satu subsektor tanaman bernilai tinggi, khususnya melalui penerapan teknologi, inovasi, peningkatan produktiviti dan penghasilan produk hiliran. "Penerbitan setem ini dapat menyampaikan mesej bahawa sesetengah spesies cendawan juga mempunyai nilai perubatan dan digunakan dalam produk kesihatan kerana mengandungi khasiat tertentu," kata beliau.

Sementara itu, Haidan Abdul Rahman berkata, kerjasama dalam penerbitan setem tersebut mencerminkan komitmen POS untuk menggunakan medium filateli sebagai wadah bagi mengetengahkan perkara yang mempunyai nilai dan kepentingan kepada komuniti.

Jabatan Pertanian komited untuk terus memperluas jaringan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak bagi memberi manfaat kepada sektor agromakanan dan masyarakat.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)



@mydoaHQ



@myDOA_HQ



@tvpertanian



@mydoa_hq



@mydoa_hq



@mydoa_hq